

## **Kebanyakan rakyat S'pura tidak minat politik, tetapi prihatin sesetengah isu dasar: Kajian**

***Berita Harian***, 24 Mar 2021

SINGAPURA: Lebih separuh rakyat Singapura tidak minat dalam politik, sekali gus menjadikan negara ini antara yang bersikap paling tidak peduli tentang politik di dunia, menurut satu kajian oleh Institut Pengajian Dasar (IPS).

Para pengkaji, bagaimanapun, menekankan bahawa rakyat Singapura amat prihatin mengenai beberapa isu dasar, seperti warga asing yang tinggal di sini. Rakyat juga mempunyai keyakinan yang tinggi dalam pilihan raya di sini dan berpuas hati dengan sistem politik Singapura.

Laporan itu, yang diterbitkan pada Rabu (24 Mac), menyimpulkan: "Sementara kebanyakan rakyat Singapura tidak berminat terhadap politik, para penduduk yang kelihatan tidak berminat dalam politik melahirkan keprihatinan tentang dasar-dasar melibatkan pengawasan dan imigresen, yang mungkin menjejaskan kehidupan mereka."

Kajian 2020 itu adalah sebahagian daripada Tinjauan Nilai-Nilai Dunia silang-negara, melibatkan sekitar 80 negara, dan dijalankan oleh para pengkaji IPS Dr Mathew Mathews, Dr Teo Kay Key, Encik Melvin Tay and Cik Alicia Wang. Seramai 2,012 rakyat Singapura dan penduduk tetap berusia 21 tahun dan ke atas telah ditinjau.

### **DAPATAN KAJIAN**

Para pengkaji mendapati bahawa kebanyakan responden sama ada tidak begitu berminat (39.3 peratus), atau tidak berminat langsung (23.4 peratus), dalam politik. Sekitar 32.4 peratus berkata bahawa mereka agak berminat dalam politik, manakala sejumlah kecil (4.8 peratus) berkata bahawa mereka amat berminat.

Ini sekali gus meletakkan Singapura di belakang kebanyakan negara lain yang ditinjau tentang penduduk yang berminat dalam politik. Ia mencatat tahap minat lebih tinggi sedikit berbanding para penduduk Hong Kong dan Taiwan.

Sekitar 30 peratus warga Hong Kong dan 32 peratus warga Taiwan berkata bahawa mereka sekurang-sekurangnya agak berminat dalam politik, berbanding 37.2 peratus rakyat Singapura.

Kajian itu mendapati bahawa para responden yang melahirkan tahap minat lebih tinggi dalam politik lazimnya kaum lelaki, lebih berpendidikan atau berpendapatan lebih tinggi.

Ini mungkin bermakna orang ramai lebih minat dalam politik apabila keperluan lain sudah dipenuhi atau apabila mereka lebih berpendidikan, menurut kajian itu.

Selain itu, penduduk Singapura rata-rata berasa yakin mengenai pilihan raya berbanding lain, dengan 70 peratus responden berkata bahawa mereka mempunyai keyakinan yang "amat tinggi" atau "agak tinggi" dalam sistem pilihan raya. Hanya 4.1 peratus responden berkata bahawa mereka tidak yakin langsung.

Para responden itu juga diminta untuk memberi markah bagi sistem politik negara - hanya 6.5 peratus penduduk Singapura berkata mereka tidak berpuas hati.

Sila baca <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/singapura/kebanyakan-rakyat-s-pura-tidak-minat-politik-tetapi-prihatin/4588356.html>